

# Projek besar mesti manfaat rakyat: PM

BH = Rabu 20/6/2007

## Kerajaan berhati-hati belanja berdasarkan keutamaan, keperluan

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan menyuntik dana untuk merangsang ekonomi tanpa sebarang kewajaran walaupun kemampuannya untuk berbelanja kini lebih baik memandangkan asas ekonomi yang kukuh, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, semua projek yang akan dilaksanakan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sudah diteliti berdasarkan keutamaan dan keperluan.

"Kita akan mengeluarkan belanja untuk projek besar, tetapi hanya selepas meneliti faedahnya kepada Malaysia," katanya dalam temu bual diterbitkan Oxford Business Group (OBG), yang dilancarkan di sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan sentiasa berbelanja bagi projek memberi faedah, tetapi pada masa sama memastikan defisit negara terkawal.

"Walaupun kami terus berhati-hati mengenai tahap defisit negara, saya percaya perbelanjaan kerajaan perlu diteruskan untuk faedah rakyat, yang perlu dibuat berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan," katanya.

Beliau berkata, defisit negara ber-

ada pada tahap kira-kira 5.3 peratus ketika beliau mengambil alih teraju kepemimpinan pada Oktober 2003, berjaya dikurangkan kepada 3.5 peratus tahun lalu.

Sebelum itu, beliau berkata kerajaan berhasrat untuk mengimbangi belanjawan, tetapi proses itu bukan bermakna mengurangkan perbelanjaan kerajaan sehingga ke peringkat yang boleh menjejaskan ekonomi.

"Saya rasa pertumbuhan yang kami catatkan sejak beberapa tahun lalu menunjukkan komitmen kami untuk mengurangkan defisit secara beransur-ansur ke tahap yang boleh diurus yang ia adalah suatu langkah yang tepat," katanya.

Sementara itu beliau berkata, pihak berkuasa patut mengambil masa secukupnya untuk membina sesuatu kes berhubung tuduhan rasuah bagi memastikan ia mempunyai peluang cerah untuk mendapatkan sabitan.

Perdana Menteri berkata, jika seseorang didakwa atas tuduhan rasuah dihadapkan ke mahkamah tanpa bukti mencukupi, ia mungkin menyebabkan kes berkenaan ditolak, maka kredibiliti kerajaan terjejas.

"Kita juga harus ingat bahawa mereka yang korup ini agak bijak dan

tangkas menutup perbuatan mereka," katanya.

Abdullah berkata, sejak tiga tahun lalu, ramai orang termasuk ahli politik dan tokoh korporat didakwa dan dibicarakan di mahkamah atas tuduhan rasuah dengan beberapa daripada mereka sudah didapati bersalah.

"Untuk mengumpulkan bukti, ia memerlukan satu proses yang rumit tetapi kita mesti terus terus cekal dan memburu pesalah sedaya mungkin.

"Bagi saya, tindakan menghukum hanya akan menangani sebahagian

**“Kerajaan sentiasa berbelanja bagi projek yang memberi faedah, tetapi pada masa sama memastikan defisit negara pada tahap terkawal”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

daripada masalah. Bagi pihak kerajaan, kita perlu menimbangkan langkah menghukum, tetapi pada masa sama, mengumpulkan sumber untuk langkah pencegahan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau faham mengenai kehendak orang ramai untuk melihat hukuman serta tangkapan dan pendakwaan dilakukan, tetapi kerajaan perlu berhati-hati.

Abdullah turut menyangkal dakwaan bahawa langkah tegas yang diambil dalam memerangi rasuah sudah dihentikan, sebaliknya menegaskan ia adalah salah tanggapan.

"Kita perlu mendidik orang ramai bahawa rasuah itu salah dan kita tidak perlu membuat sogokan dalam memastikan sesuatu perkara itu terlaksana.

"Disebabkan inilah kami sudah berusaha keras untuk mengurangkan kerenah birokrasi, kerana birokrasi biasanya satu daripada faktor yang menggalakkan lagi rasuah," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan juga mahu membentuk rakyat yang mempunyai nilai murni dan standard etika tinggi, yang tidak langsung memberi ruang kepada rasuah. — Bernama